

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 JANUARY 2017

DAP hanya tuntutan jadi Timbalan Perdana Menteri: Tun Mahathir

➔ Syarat parti cauvinis jika pakatan menang PRU-14

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bharian.com.my

Putrajaya

DAP ada meminta diberikan jawatan Timbalan Perdana Menteri, sekiranya pakatan pembangkang menang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang, kata Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri mengesahkan perkara itu disuarakan sendiri oleh DAP, yang mahu jawatan kedua tertinggi dalam kerajaan di-

serahkan kepada seorang daripada pemimpin parti terbabit.

Sehubungan itu, Dr Mahathir turut menafikan DAP mahukan jawatan Perdana Menteri kerana parti itu sedar ia memerlukan sokongan atau undi orang Melayu, yang dilihat sukar berbanding mendapatkan undi kaum Cina.

“Tak mungkin (DAP mahu jawatan Perdana Menteri jika menang PRU) kerana kalau DAP nak menang, mereka kena dapat sokongan parti Melayu yang lain.

“Mereka terang-terang kata kepada saya, bangsa Cina ini minoriti dalam negara dan DAP tak pernah minta menjadi Perdana Menteri.

“Tetapi jika menjadi Timbalan Perdana Menteri itu.. ada (permintaan),” katanya ketika ditemui pemberita selepas program ahli PPBM Putrajaya bersama Dr Mahathir di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini kelmarin.

Gagal pujuk PAS

Pada 31 Disember lalu, Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim, mendakwa Datuk Seri Mukhriz Mahathir akan menjadi Perdana Menteri, manakala Lim Kit Siang sebagai Timbalan Perdana Menteri jika pakatan pembangkang memenangi PRU Ke-14.

Mukhriz dan Kit Siang turut di-

cabar membuat akuan bersumpah (SD) menafikan mereka bukan calon sulit pakatan pembangkang bagi kedua-dua jawatan itu.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir mengakui, PPBM gagal memujuk PAS untuk menyertai pakatan pembangkang walaupun pelbagai usaha dilakukan tetapi partinya akan terus bekerjasama dengan pakatan terbabit.

“Sebelum ini, PPBM dan Pakatan Harapan ada memeterai perjanjian pada 13 Disember lalu. Kita sudah berunding dengan PAS dan beri masa yang panjang untuk mereka buat keputusan, tetapi sehingga kini tiada jawapan,” katanya.

BH - 20/1/2017